

900/1

STPM 2012

**JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU****PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2012
TINGKATAN 6 PENGGAL 1****SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA
(MALAYSIA HIGHER SCHOOL CERTIFICATE)****PENGAJIAN AM
KERTAS 1
(Dua jam)****Arahan kepada calon:****JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA ANDA DIBENARKAN BERBUAT DEMIKIAN.**

Kertas ini mengandungi tiga bahagian, iaitu Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

*Calon dikehendaki menjawab **semua** soalan dalam Bahagian A dan Bahagian B dan **dua** soalan dalam Bahagian C*

*Ada **lima belas** soalan dalam Bahagian A. Tiap-tiap soalan diikuti oleh **empat** pilihan jawapan. Pilih satu jawapan yang betul dan tandakan itu pada Borang Jawapan Aneka Pilihan yang berasingan. Baca arahan pada Borang Jawapan Aneka Pilihan itu dengan teliti.*

Calon dikehendaki menjawab soalan dalam Bahagian B pada ruang yang disediakan.

Gunakan helaian jawapan bagi menjawab soalan dalam Bahagian C. Mulakan setiap jawapan anda pada helaian jawapan yang baharu dan susun jawapan mengikut tertib berangka. Ikat helaian jawapan anda bersama dengan kertas soalan ini.

Markah untuk tiap-tiap bahagian soalan dan soalan diberikan dalam tanda kurung [].

Kertas soalan ini terdiri daripada 8 halaman bercetak**© Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu Bahagian A****[15 markah]**

- 1 Negara demokrasi berparlimen merujuk kepada ciri-ciri
- I Ahli kabinet dilantik dari kalangan ahli dua majlis Parlimen
 - II Ketua kerajaan boleh 'diturunkankan' melalui undi tidak percaya
 - III Ketua negara menjadi lambang dan menjalankan kuasa pemerintahan
 - IV Dotrin pengasingan kuasa diamalkan untuk mengelakkan salah guna kuasa
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 2 Antara pernyataan berikut, yang manakah menyebabkan penamaan sebagai calon Dewan Undangan Negeri ditolak semasa hari penamaan calon?
- A Tidak mendaftar sebagai pemilih
 - B Wang pertaruhan ditaja oleh parti politik tertentu
 - C Alamat dalam borang pencalonan menunjukkan calon bermastautin di negeri yang tidak sama dengan kawasan yang ditandingi
 - D Pencadang menggunakan alamat tempat tinggal yang tidak sama dengan bakal calon tetapi masih dalam kawasan yang ditandingi
- 3 Antara pernyataan berikut, yang manakah berkaitan dengan kepada badan perundangan?
- A Tempoh lima tahun penggal Parlimen bermula daripada tarikh pembubaran Parlimen
 - B Suruhanjaya pilihan raya berhak membatalkan keputusan calon yang memenangi pilihan raya secara tipu muslihat
 - C Proses pilihan raya boleh diadakan secara berasingan antara kawasan Parlimen dengan kawasan Dewan Undangan Negeri
 - D Jika Encik X dilantik sebagai Senator, tempoh memegang jawatan adalah tidak lebih 2 penggal iaitu 8 tahun sama ada secara berterusan atau sebaliknya
- 4 Yang manakah merupakan ahli ex-officio Dewan Undangan Negeri Melaka?
- A Mufti Negeri
 - B Pegawai Kewangan Negeri
 - C Setiausaha Kerajaan Negeri
 - D Penasihat Undang-Undang Negeri

- 5 Antara pernyataan berikut, yang manakah merupakan fungsi Majlis Raja-Raja?
- I Memberi nasihat mengenai pelantikan Ketua Audit Negara
 - II Mengarahkan kabinet mengubah dasar-dasar kerajaan yang menimbulkan bantahan rakyat
 - III Memberi persetujuan kepada cadangan perubahan sempadan negeri di Semenanjung Malaysia
 - IV Memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong mengenai penganugerahan pingat-pingat kebesaran negara
- A I dan III
B I dan IV
C II dan III
D II dan IV
- 6 Antara amalan berikut, yang manakah yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus yang baik?
- I Ketelusan
 - II Akauntabiliti
 - III Pengekalan prestasi
 - IV Mematuhi undang-undang
- A I dan II
B I dan III
C II dan IV
D III dan IV
- 7 Antara mesyuarat berikut, yang manakah berperanan untuk menyelaraskan tadbir urus antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri?
- I Mesyuarat Majlis Raja-Raja
 - II Mesyuarat Majlis Perancangan Negara
 - III Mesyuarat Setiausaha-Setiausaha Kementerian
 - IV Mesyuarat Menteri-Menteri Besar / Ketua Menteri
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

8

- Jackie dilahirkan di Pulau Pinang pada 25 September 1960.
- Bapanya warganegara Poland manakala ibunya rakyat Thailand.

Antara yang berikut, yang manakah mengenai taraf kewarganegaraan Jackie?

- A Bukan warganegara
- B Warganegara secara masukan
- C Warganegara secara pendaftaran
- D Warganegara secara kuatkuasa undang-undang

9 Antara penyataan berikut, yang manakah benar tentang pembahagian kuasa perundangan yang disenaraikan dalam Jadual Sembilan Perlembagaan Persekutuan?

	<i>Senarai Persekutuan</i>	<i>Senarai Negeri</i>	<i>Senarai Bersama</i>
A	Kajian,Siasatan dan Penyelidikan	Muzium	Kebudayaan dan Sukan
B	Hari Kelepasan Am	Perkhidmatan Bomba	Perikanan Laut Dalam
C	Pemeliharaan Warisan	Menangkap ikan di sungai	Keselamatan Sosial
D	Kebajikan Masyarakat	Tanah	Kebajikan Orang Asli

10 Antara pernyataan berikut, yang manakah merujuk kepada Setiausaha Kerajaan Negeri?

- A Ketua Perkhidmatan Awam
- B Menjalankan kuasa eksekutif di peringkat negeri
- C Mempengerusikan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
- D Ahli Jawatankuasa Perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri

11 Ketua Audit Negara bertanggungjawab untuk

- I Menjelaskan kelemahan dalam perbelanjaan
- II Menyiapkan laporan tentang akaun perbelanjaan
- III Menerima dan mengutip caruman daripada majikan
- IV Mengubal dasar-dasar dan menguruskan pinjaman perumahan bagi kakitangan awam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

[Lihat sebelah
SULIT*

- 12 Antara penyataan berikut, yang manakah merujuk kepada Suruhanjaya?
- A Ahli Majlis Parlimen boleh menjadi ahli Suruhanjaya
 - B Saraan anggota Suruhanjaya ditetapkan oleh Perlembagaan
 - C Ahli-ahlinya boleh dipecat hanya melalui syor oleh satu tribunal penyiasatan
 - D Boleh memegang jawatan selagi diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong
- 13 Antara yang berikut, yang manakah yang dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri dalam membuat peruntukan kewangan kepada Kerajaan Tempatan?
- I Jumlah hasil yang diperolehi
 - II Keluasan kawasan Kerajaan Tempatan
 - III Panjang jalan raya dalam kawasan Kerajaan Tempatan
 - IV Jumlah bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan
- A I dan II
 - D I dan IV
 - B II dan III
 - C III dan IV
- 14 Antara pernyataan berikut, yang manakah merupakan kuasa Yang di-Pertuan Agong ke atas negeri Sabah?
- A Melantik majistret bagi mahkamah sivil di negeri tersebut
 - B Melantik Yang diPertua Negeri dengan syor dari Perdana Menteri
 - C Membubarkan Dewan Undangan Negeri setelah disyorkan oleh Ketua Menteri
 - D Menandatangani rang undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri
- 15
- Menyokong kementerian dalam proses perancangan penyampaian
 - Mengabungkan kepakaran terbaik dari sektor awam dan sektor swasta
 - Menyokong penyampaian Program Transformasi Kerajaan dan Program Tranformasi Ekonomi
- Penyataan diatas merujuk kepada agensi
- A Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP)
 - B Unit Kerjasama Sektor Awam Swasta (UKAS)
 - C Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU)
 - D Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)

Bahagian B
[15 markah]

Jawab **semua** soalan.

1

“Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi Malaysia.”

(a) Nyatakan **dua** alasan untuk menyokong pernyataan di atas. [2]

.....
.....

(a) Nyatakan **dua** cara pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan. [2]

.....
.....

2 (a) Nyatakan **dua** tanggungjawab kolektif anggota kabinet. [2]

.....
.....

(b) Nyatakan **tiga** situasi yang menyebabkan seseorang anggota kabinet hilang jawatannya. [3]


.....
.....

3 (a) Nyatakan **dua** hak perlindungan atau keistimewaan yang dinikmati oleh seseorang hakim dalam undang-undang Malaysia [2]

.....
.....

(b) Nyatakan **dua** bidang kuasa yang hanya ada pada Mahkamah Persekutuan [2]

.....
.....



4 Nyatakan **dua** tujuan penubuhan agensi *X* di atas [2]

.....

.....

Bahagian C

[50 markah]

*Pilih **dua** daripada tajuk di bawah ini, dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.*

- 1 Kualiti hidup amat penting dalam kehidupan bernegara. Cadangkan usaha-usaha bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat Malaysia.
- 2 Tenaga muda yang berpotensi perlu untuk membangunkan negara dalam pelbagai bidang, namun usaha membangunkan potensi tenaga muda menghadapi pelbagai rintangan. Jelaskan.
- 3 Masalah berkait ekologi semakin serius dan turut dirasai kesannya di negara kita. Oleh itu usaha yang bersepadu perlu dilaksanakan untuk menanganinya. Bincangkan

Bahagian A

Nombor soalan	Jawapan
1	C
2	C
3	C
4	D
5	A
6	D
7	B
8	D
9	A
10	D
11	A
12	C
13	A
14	B
15	C

Bahagian B**Skema jawapan****1**

“Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi Malaysia.”

(a) Nyatakan **dua** alasan untuk menyokong pernyataan di atas. [2]

- I Perlembagaan Persekutuan mengatasi segala undang-undang lain di Malaysia.
- II Perlembagaan Persekutuan merupakan sumber yang menggariskan kuasa pelbagai pihak kerajaan.
- III Semua undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan akan terbatal setakat yang berlawanan.
- IV Perlembagaan Persekutuan menggariskan kuasa Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara / YDPA perlu bertindak mengikut Perlembagaan.
- V Pindaan dan kelulusan sebarang undang-undang mesti bersumberkan Perlembagaan Persekutuan.
- VI Semua pihak perlu mematuhi peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan

Pilih mana-mana 2

(b) Nyatakan **dua** cara pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan. [2]

- I Melibatkan kelulusan 2/3 ahli dua Majlis Parlimen dan mendapat persetujuan Majlis Raja-Raja
- II Melibatkan kelulusan 2/3 ahli dua Majlis Parlimen dan mendapat persetujuan Yang diPertua Negeri Sabah dan Sarawak
- III Melibatkan kelulusan 2/3 ahli dua Majlis Parlimen
- IV Melibatkan kelulusan majoriti mudah sahaja

Pilih mana-mana 2

2 (a) Nyatakan **dua** tanggungjawab kolektif anggota kabinet. [2]

- I Bertanggungjawab secara bersama ke atas Parlimen
- II Secara bersama mempertahankan setiap keputusan kabinet yang diputuskan secara majoriti

- (b) Nyatakan **tiga** situasi yang menyebabkan seseorang anggota kabinet hilang jawatannya. [3]

- I Tidak dinamakan semula oleh Perdana Menteri dalam pembentukan kabinet baru
- II Digugurkan / dipecat oleh Perdana Menteri
- III Diisytiharkan bangkrap / muflis oleh Mahkamah
- IV Disahkan tidak siuman
- V Memperoleh kewarganegaraan lain
- VI Tidak menghantar penyata perbelanjaan pilihan raya yang ditandingi
- VII Telah dihukum penjara melebihi setahun
- IIIX Telah didenda melebihi RM2,000
- IX Tidak menghadiri persidangan Dewan selama enam bulan berturut-turut tanpa keizinan
- X Telah tamat tempoh sebagai seorang ahli Dewan Negara dan tidak disambung semula

Pilih mana-mana 3

- 3 (a) Nyatakan **dua** hak perlindungan atau keistimewaan yang dinikmati oleh seseorang hakim dalam undang-undang Malaysia [2]


- I Tidak boleh didakwa berkaitan dengan keputusan kehakimannya.
- II Kelakuan hanya boleh dibincang di Parlimen
- III Berkuasa menghukum mereka yang menghina mahkamah.

Pilih mana-mana 2

- (b) Nyatakan **dua** bidang kuasa yang hanya ada pada Mahkamah Persekutuan. [2]

- I Merupakan mahkamah tertinggi / rayuan yang terakhir
- II Berkuasa memberi tafsiran kepada Perlembagaan Persekutuan
- III Menyelesaikan pertikaian masalah perundangan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Persekutuan
- IV Membatalkan undang-undang negeri/tindakan kerajaan yang bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan

Pilih mana-mana 2



4 Nyatakan **dua** tujuan penubuhan agensi *X* di atas [2]

- I Membolehkan kerajaan menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan awam kepada golongan yang memerlukannya
- II Membolehkan kerajaan terlibat dalam bidang sosioekonomi yang tidak/enggan diceburi oleh pihak swasta
- III Menambah penglibatan bumiputera dalam bidang ekonomi
- IV Matlamat pembangunan yang hendak dicapai lebih sesuai dilaksanakan oleh perbadangan awam

Pilih mana-mana 2

Bahagian C

1 Kualiti hidup amat penting dalam kehidupan bernegara. Cadangkan usaha-usaha bagi meningkatkan kualiti hidup masyarakat Malaysia.

Skema Pemarkahan

Bil.	Idea	Huraian
1.	Menyediakan pendidikan dan latihan berkualiti	<ul style="list-style-type: none"> - menyediakan lebih banyak peluang pendidikan dan institusi pendidikan bagi rakyat melanjutkan pelajaran. - meningkatkan mutu pendidikan dan penyelidikan untuk persaingan sihat dari segi kecekapan dan kemahiran dalam alam pekerjaan. - menubuhkan lebih banyak pusat kemahiran dan latihan dan mempelbagaikan kursus yang berkaitan dengan alam pekerjaan.
2.	Membangunkan ekonomi/peluang pekerjaan	<ul style="list-style-type: none"> - kerajaan perlu menyediakan peluang meningkatkan kemahirandalam bidang yang relevan kepada industri. - mewujudkan hab pekerjaan untuk memadankan keperluan tenaga kerja dengan calon yang sesuai. - penyediaan lebih banyak program berkaitan industri dan pekerjaan di syarikat yang menerima kontrak utama, konsesi dan insentif kerajaan. - memberikan lebih sokongan kepada usahawan yang akan memulakan perniagaan, latihan, pembiayaan dan peralatan utama secara bersepadu.
3.	Meningkatkan kemudahan infrastruktur	<ul style="list-style-type: none"> - pembinaan alan raya berturap yang boleh memberi faedah kepada 3.3 juta penduduk. - bekalan air yang lebih berkualiti dan berterusan iaitu 99% di Semenanjung Malaysia, 98% di Sabah dan 95 % di Sarawak. - kemudahan elektrik diperluaskan untuk meliputi penyambungan bekalan ke 6,000 buah rumah di Semenanjung Malaysia, 59,000 di Sabah dan 76,000 di Sarawak. - penambahbaikan sistem kecekapan pengangkutan awam melalui penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dengan menyediakan pengangkutan awam yang selamat.

4.	Meningkatkan tahap keselamatan	<ul style="list-style-type: none"> - memastikan kadar indeks jenayah berada dalam peringkat kawalan. - mengadakan rondaan/menempatkan anggota di 'kawasan-kawasan panas'. - memasang CCTV di tempat-tempat awam tertentu seperti tempat parking (basement), kompleks beli-belah dan lain-lain.
5.	Meningkatkan tahap kesihatan	<ul style="list-style-type: none"> - penyediaan kemudahan kesihatan yang lebih efisien menggunakan peralatan yang canggih. - menentukan bilangan pegawai kesihatan mencukupi dan mempunyai kepakaran yang tinggi bagi merawat pesakit. - kepakaran seharusnya melibatkan penyakit kronik seperti jantung agar rakyat mendapat rawatan tepat pada masa dan penyakit dapat diubati dengan segera. - program pemeriksaan kesihatan secara berkala untuk mengawal kuantiti penyakit.
6.	Mengekalkan persekitaran yang sihat	<ul style="list-style-type: none"> - pembangunan lestari iaitu pembangunan tanpa merosakkan alam sekitar. - kempen kesedaran – menyediakan suasana kehidupan yang menarik dan nyaman bagi menjalankan pelbagai aktiviti riadah dan rekreasi. - kawasan pinggir sungai diindahkannya sebagai taman rekreasi, contohnya Sungai Melaka.
7.	Menyediakan rumah yang mencukupi dan selesa	<ul style="list-style-type: none"> - menyediakan perumahan lebih terancang, lengkap, selamat, selesa dan kondusif – bekalan air, elektrik, sistem pembentungan - tapak perumahan sesuai dan berhampiran dengan tempat kerja dan mempunyai banyak prasarana – sekolah, kedai, masjid, hospital, taman rekreasi dan lain-lain. - pembinaan rumah untuk semua golongan meliputi rumah kos rendah, kos sederhana dan rumah mewah.
8.	Galakkan memanfaatkan masa lapang	<ul style="list-style-type: none"> - melakukan aktiviti berfaedah bersama keluarga dan rakan-rakan seperti berjoging, berbasikal, berkelah, bercucuk tanam dan sebagainya. - aktiviti tersebut boleh merehatkan fikiran, mengurangkan tekanan dan sebagai satu rekreasi. - mewujudkan keseimbangan antara pekerjaan dan aktiviti-aktiviti riadah dalam kehidupan.

Pemarkahan: Mana-mana 5 idea

2 Tenaga muda yang berpotensi perlu untuk membangunkan negara dalam pelbagai bidang, namun usaha membangunkan potensi tenaga muda menghadapi pelbagai rintangan. Jelaskan.

Skema Pemarkahan

Bil	Keperluan kepada bidang	Huraian
1	Pendidikan dan latihan	Untuk melahirkan masyarakat berilmu dan mahir dalam pelbagai bidang / disiplin ilmu.
2	Tenaga kerja dalam sektor ekonomi	Tenaga muda diperlukan sebagai bekalan tenaga kerja dalam pelbagai bidang ekonomi yang kompetitif.
3	Pentadbiran	Tenaga muda diperlu sebagai pelapis untuk menjadi pentadbir negara pada masa hadapan.
4	Sukan dan permainan	Perkembangan sukan dan permainan negara adalah bergantung kepada pembangunan sukan dan permainan dalam kalangan golongan muda.
5	Pertahanan negara	Negara perlu kepada tenaga muda untuk memenuhi pelbagai aspek pertahanan negara sama ada darat, laut atau udara.
6	Penyelidikan dan Pembangunan	Negara memerlukan penyelidik yang muda untuk meneruskan agenda pembangunan negara
	Idea rintangan	Huraian
7	Penyalahgunaan dadah	Penglibatan generasi muda dengan penagihan dadah yang merosakkan masa depan mereka
8	Budaya negatif	Berhibur dan lumba motorsikal haram yang merugikan dan membahayakan
9	Sikap negatif	Tidak suka mengambil peluang untuk mendapat pendidikan dan kemahiran. Tidak suka bekerja tetapi suka berhibur.
10	Layanan masyarakat	Masyarakat sering memisahkan diri dengan golongan muda menyebabkan golongan muda berada dalam dunianya tersendiri dan terpisah dengan golongan yang lebih dewasa.
11	Kelemahan dalam perancangan	Kerajaan terpaksa membuat perancangan yang teliti bagi membangunkan generasi muda supaya mereka tidak mensia-siakan usia muda mereka.

Pemarkahan : Gabungan jawapan: 3 + 2 atau sebaliknya.

3 Masalah berkait ekologi semakin serius dan turut dirasai kesannya di negara kita. Oleh itu usaha yang bersepadu perlu dilaksanakan untuk menanganinya. Bincangkan

Skema Pemarkahan

Bil	Idea masalah	Huraian
1	Penipisan lapisan ozon	Pembebasan gas -gas yang memusnahkan gas ozon Pembebasan gas CFC kesan daripada aktiviti perindustrian dan penggunaan pendingin hawa. Peningkatan suhu dunia – pemanasan global
2	Pencemaran udara	Bahan terampai di udara dalam bentuk habuk kesan daripada debu dan gas pencemar seperti gas Carbon dioksida dan gas sulphur
3	Pencemaran air	Kesan daripada bahan buangan daripada sektor perindustrian dan enap cemar atau affluent daripada sektor pertanian
4	Pencemaran tanah	Pembuangan Bahan sisa pepejal dari industri-industri kimia telah menyebabkan tanah menjadi berasid dan tidak subur.
5	Peningkatan aras laut	Peningkatan aras laut berlaku kesan pencairan salji. Aras air laut meningkat setiap tahun dan menenggelamkan pinggir pantai dan kawasan-kawasan yang rendah
6	Pemusnahan hutan	Aktiviti pembalakan telah memusnahkan sebahagian besar kawasan hutan yang penting untuk pengekalan ekologi dunia.
7	Kepupusan hidupan liar	Kepupusan hidupan liar kesan daripada kemusnahan ekologi.
	Idea Usaha	Huraian
8	Penggunaan tenaga alternatif- mesra alam	Menggantikan tenaga fosil dengan tenaga alternatif yang mesra alam
9	Menghijaukan bumi	Menanam pokok-pokok –di kawasan-kawasan yang telah ditebang (dijalankan aktiviti pembalakan)
10	Menggantikan bahan CFC dengan bahan lain yang tidak merosakkan lapisan ozon	Menggantikan bahan CFC dengan bahan alternatif seperti Tetra Fluoro Etana dan Hydro Cloro Fluro Carbon

11	Menggunakan kawalan biologi	Kawalan biologi digunakan untuk menggantikan penggunaan bahan kimia bagi mengawal serangga perosak
12	Penggunaan baja organik	Penggunaan baja organik menggantikan baja kimia dalam sektor pertanian
13	Mengurangkan penggunaan bahan pemantul cahaya dalam industri binaan	Penggunaan bahan binaan pemantul cahaya menyebabkan pemanasan global
14	Menampal ozon	Usaha ahli sains untuk menampal ozon bagi mengurangkan kesan penipisan lapisan ozon kepada ekologi

Pemarkahan : Gabungan Jawapan: 3 +2 atau sebaliknya